

LAXODYL TABLET

Bisacodyl (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Laxodyl Tablet
2. Bagaimana Laxodyl Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Laxodyl Tablet
4. Cara menggunakan Laxodyl Tablet
5. Semasa menggunakan Laxodyl Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Laxodyl Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Laxodyl Tablet

Laxodyl Tablet digunakan untuk merawat sembelit. Ia juga boleh digunakan untuk menyediakan usus bagi prosedur perubatan seperti X-ray atau pembedahan.

Bagaimana Laxodyl Tablet berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah bisacodyl, sejenis julap, yang merangsang pergerakan usus besar, dan meningkatkan pergerakan najis, seterusnya memudahkan proses pembuangan.

Sebelum menggunakan Laxodyl Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Laxodyl Tablet jika anda:

- hipersensitif kepada bisacodyl atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum mula menggunakan Laxodyl Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mengalami:

- usus tersumbat, sakit perut, loya, atau muntah.

Mengandung dan penyusuan bayi

Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengandung, merancang untuk mengandung, atau menyusukan bayi sebelum menggunakan mana-mana ubat.

Pengambilan semasa mengandung hanyalah atas nasihat doktor.

Tidak diketahui sama ada bisacodyl dirembes ke dalam susu ibu atau tidak, bagaimanapun, disebabkan risiko kesan sampingan pada bayi, penyusuan susu ibu tidak disyorkan semasa mengambil bisacodyl.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai ubat makanan untuk kesihatan. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat seperti yang berikut:

- diuretik (ubat untuk mengeluarkan lebihan cecair dalam badan).
- adrenocorticosteroids (digunakan untuk melegakan keradangan dan alahan).

Cara menggunakan Laxodyl Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan tersebut mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat dalam risalah ini. Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label, minta bantuan daripada doktor atau ahli farmasi.

Telan keseluruhan ubat dengan air secukupnya. Jangan kunyah atau hancurkan tablet.

Ambil 1 hingga 2 tablet sehari.

Untuk prosedur tertentu, sehingga 6 tablet boleh diambil sekali gus, dan diambil pada waktu malam sebelum menjalani prosedur pada hari berikutnya.

- Bila perlu digunakan

Ambil mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Elakkan mengambil antasid atau susu dalam masa satu jam sebelum atau selepas mengambil bisacodyl.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Laxodyl Tablet untuk tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak

selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan kejang perut yang teruk dan cirit-birit.

Semasa menggunakan Laxodyl Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Laxodyl Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Laxodyl Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Laxodyl Tablet terhadap anda.

Jika sembelit anda tidak pulih atau bertambah teruk, sila berjumpa dengan doktor secepat mungkin.

Jangan gunakan secara berterusan kerana boleh menyebabkan ketidakseimbangan cecair dan elektrolit serta tahap kalium yang rendah. Sembelit mungkin akan meneruk.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Laxodyl Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan yang dilaporkan termasuk:

- kejang perut yang teruk
- cirit-birit
- ruam kulit

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Laxodyl Tablet

- Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat, berwarna kuning telur, dilapisi dengan enterik dan gula tanpa sebarang ukiran atau cetakan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Bisacodyl

- Bahan-bahan tidak aktif

- Ponceau C4R
- Quinoline Yellow 30E
- Magnesium Stearate
- Isopropyl Alcohol
- Quinoline Yellow 70E
- Polyethylene Glycol 400
- Calcium Phosphate
- Acacia
- Gelatin
- Eudragit L100
- Sugar
- Lactose
- Maize Starch
- Talcum
- Calcium Carbonate

- Nombor MAL

MAL19920995XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman
Perindustrian Tampoi Indah, 81200
Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

15/07/2024

Nombor siri

NPRA(R4/1)130624/00070